

KAUNSELING REMAJA

Prof Madya Datin
Dr Sapora Sipon
rencana@hmetro.com.my

Cemburu kelebihhan kakak sendiri

Gadis rasa rendah diri malah hubungan renggang semakin usia meningkat

! Saya sering merasa rendah diri walaupun menuntut di sebuah universiti tempatan. Saya tetap merasakan diri tidak sebaik orang lain, terutama kakak.

Saya cemburu dengan apa yang dimiliki kakak yang kini bekerja di sebuah syarikat multinasional. Dia bekerja sebaik saja tamat pengajian di universiti luar negara. Perbezaan antara saya dengan kakak juga banyak. Kakak lebih banyak keistimewaan berbanding saya. Semasa kecil sehingga remaja, kami sangat rapat. Ke mana saja pergi, kami pasti berdua.

Kami juga banyak berkongsi perkara seperti pakaian, permainan dan makanan malah minat dengan penyanyi yang sama.

Bagaimanapun, keintiman kami mulai berubah apabila tamat pengajian sekolah menengah.

Kami semakin jauh antara satu sama lain malah

bersaing antara satu sama lain. Ada kalanya saya kurang selesa dengan perkara ini tapi tidak dapat mengelak untuk merasa rendah diri.

Jika dibandingkan dengan saya, dia memang jauh lebih pandai. Dari segi rupa paras, tentunya kakak lebih cantik. Ramai lelaki minat pada kakak sedangkan saya sukar hendak mencari kekasih.

Saya cemburu kepada kakak dan rasa ini

membuatkan saya sedih dan kadangkala menangis. Ibu bapa beberapa kali menegur perubahan kami dan menasihatkan tidak bergaduh antara satu sama lain.

ADIK CEMBURU, Kedah

? Dr ucapkan tahniah kerana adik dapat melanjutkan pengajian di universiti. Pencapaian adik membanggakan dan Dr berharap adik akan terus berusaha untuk mencapai cita-cita kehidupan.



Kekasih rosakkan diri selepas terlanjur

! Saya mempunyai seorang teman wanita yang sudah dikenali selama lima tahun. Saya mencintai dan menyayangi. Sejak kebelakangan ini, dia mula menjauhkan diri.

Jujur saya katakan, kami pernah terlanjur. Atas kesedaran itu, saya berjanji akan bertanggungjawab. Selepas peristiwa itu, kekasih mula merosakkan diri sendiri.

Akhirnya, saya dapat tahu dia menjalankan hubungan sulit dengan lelaki lain. Remuk hati saya. Masih terpalit rasa sayang yang amat mendalam kepadanya.

Dr, saya sanggup menerima dia walau apa pun yang terjadi. Saya tidak sanggup berpisah dengan dia. Saya tidak tahu apa lagi yang saya perlu lakukan.

JEJAKA SEDIH, Pahang.

? Dr empati dengan adik dan tahu bukan-

lah sesuatu yang mudah untuk melupakan kenangan manis yang pernah terjalin antara kita dengan orang yang disayangi.

Ibarat kata pepatah, cinta adalah keabadian dan kenangan terindah yang pernah dialami. Kenangan dan cinta sememangnya tak boleh dipisahkan dengan manusia.

Episod indah cinta adik terhadap teman wanita mula berubah. Ia mula mengalami garisan hitam apabila teman wanita menunjukkan perubahan dengan menjauhkan diri.

Niat adik menerima dia walau pun apa yang terjadi sesuatu yang baik. Terbukti adik memang mencintainya. Namun, hubungan cinta indah adalah jalinan yang bertimbang balas. Ia memerlukan persetujuan dan kerelaan dua pihak dan dua hati.

Seeloknya, adik perlu bersedia untuk menerima kenyataan jika apa yang dihajatkan oleh adik tidak kesampaian. Teman wanita

mungkin mempunyai sebab-sebab tersendiri untuk tidak menerima adik.

Sesukar manapun, adik perlu kuatkan diri adik untuk menghadapi kenyataan. Apa yang berlaku adalah ketentuan Tuhan. Memiliki cinta tidak bererti memiliki seseorang.

Cinta yang suci lahir dari hati yang ikhlas dan murni. Memaksa cinta lebih memburukkan keadaan. Lagipun, adik hanya boleh berusaha tapi Tuhan yang menentukan.


Dalam keadaan sekarang, penting untuk adik mengawal emosi. Emosi yang goyah hanya akan mendorong tindakan yang negatif. Fikiran yang berkonflik menjadikan kita bertambah runding dan akhirnya mengambil tindakan tidak sepatutnya.

Dr tahu ia sukar tetapi berdoa kepada Allah SWT agar kehidupan adik dipermudahkan. Banyakkan beristighfar kepada Allah SWT.

JADI CALON PILIHAN selepas tamat sekolah MENGAGUMKAN

ASASI SASTERA · ASASI SAINS

Kerjasama antara dua pelopor pendidikan di Malaysia dan UK. Menawarkan lebih 200 tahun pengalaman mengasah kecemerlangan akademik.



NURTURING
FUTURE
TALENTS

SILA LAYARI
IUMW.EDU.MY

POTONGAN YURAN ASASI SEDIKIT
50-60%*
(UNTUK PENCAPAIAN 5A KE ATAS DALAM SPM)

PENDAFTARAN
2-8 JUN 2014

DAFTAR SEKARANG UNTUK PELUANG MEMENANGI HADIAH MISTERI HEBAT!

*Tertakluk kepada terma & syarat tertentu

INTERNATIONAL UNIVERSITY OF MALAYA-WALES (958963-7)
UNIVERSITI SWASTA MILIK UNIVERSITI MALAYA BERSAMA UNIVERSITY OF WALES, UK.